

Lupa Derita Dunia Apabila Dichelup ke dalam Syurga **75**

SOLUSI.

Panduan Hidup Bersyariat

Pergi Tak Kembali **92**

MOTIVASI **137**
FARDU AIN
2020 • PP 15048/05/2013 (032162)

PAGI *Itu Berkat*



Rasulullah bersabda:

"Ya Allah, berkatilah umatku pada pagi mereka." (Riwayat al-Tirmizi)



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia



RM10.00 (SEM)
RM12.00 (S/S)
SGD7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50

Memburu Keberkatan



وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا
وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن
كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

**“Dan (Tuhan berfirman lagi):
‘Sekiranya penduduk negeri itu
beriman serta bertakwa, tentulah
Kami akan membuka kepada
mereka (pintu pengurniaan) yang
melimpah-limpah berkatnya dari
langit dan bumi. Tetapi mereka
mendustakan (Rasul Kami), lalu
Kami timpakan mereka dengan
azab seksa disebabkan apa yang
mereka telah usahakan.”**

(Surah al-A'raf 7: 96)

DR. AZRUL AZLAN

■ Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis *Indahnya Hidup Bersyariat* terbitan Telaga Biru. Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com



Bahasa	Berkat (بركة) dari segi bahasa bermaksud bertambah dan berkembang.		
Istilah	Al-Kafawi dalam <i>al-Mufradat</i>	Imam al-Nawawi	Al-Raghib al-Asfahani dalam <i>Maqayis al-Lughah</i>
	“Pengembangan dan penambahan serta kekalnya kebaikan yang Allah berikan pada sesuatu.”	“Suatu kebaikan yang melimpah ruah secara berterusan.”	“Berkat adalah kekalnya kebaikan yang Allah berikan ke atas sesuatu.”
Kesimpulan	<i>Barakah</i> (berkat) bermaksud kekalnya kebaikan yang Allah berikan ke atas sesuatu. Ia juga mempunyai kaitan dengan sesuatu kebaikan yang berkembang dan bertambah. Proses inilah yang menjadikan seseorang mendapat ketenangan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.		

Perkataan yang mempunyai huruf ba, ra dan kaf (ب, ر, ك) disebut sebanyak 32 kali dalam al-Quran. Kesemua perkataan ini membawa maksud kekalnya kebaikan yang Allah berikan ke atas sesuatu.

Tanda Hidup Diberkati?

Walaupun keberkatan terdapat pada makhluk Allah, namun apa yang perlu

kita fahami adalah bukannya makhluk yang memberikan keberkatan, tetapi Allah jua yang meletakkan kebaikan pada makhluk itu untuk disebar dan dikembangkan kebaikannya kepada yang lain.

Kelebihan keberkatan yang ada pada makhluk bukanlah untuk disucikan (*takdis*), tetapi ia adalah perantara

untuk menghampirkan manusia kepada Allah yang memberikan keberkatan.

Antara fakta umum tentang keberkatan yang perlu kita ketahui adalah:

- Keberkatan mungkin tidak ketara dapat dilihat dengan mata kasar, tetapi ia dapat dirasai dengan mata hati.
- Keberkatan juga tidak diukur pada kuantiti harta, tetapi ia dinilai pada kualiti jiwa.
- Melalui keberkatan kita akan memperoleh ketenangan dan kebahagiaan.
- Keberkatan akan menyebabkan si miskin berasa cukup dengan apa-apa yang ada, manakala si kaya pula ringan tangan dan mudah untuk memberi kepada golongan yang memerlukan.
- Kepuasan melakukan pekerjaan dirasai walaupun beban yang diberikan tinggi.
- Semakin tinggi kedudukan pangkat seseorang, semakin rendah hati dan tinggi peribadinya.

Tanda Berkat

1 Merasa Cukup dengan Apa yang Ada

Lumrah manusia, tidak pernah puas dengan apa-apa yang dimiliki. Keinginan untuk mendapatkan lebih banyak kemewahan menyebabkan kita tidak pernah berasa cukup dengan apa yang ada. Lalu, kita obses untuk mendapatkan harta, kemudian mengabaikan hukum Tuhan.

Perlu juga diingat, ujian bukan sahaja datang dalam bentuk kesukaran, ia juga datang dalam bentuk kesenangan. Salah satu tanda keberkatan, lafaz dan tindakan syukur sering mengiringi, tidak kira dalam keadaan senang ataupun susah.

2 Ringan Melakukan Amalan Kebajikan

Kadangkala kita merasa terlalu berat dan sukar untuk melakukan sesuatu amalan kebajikan walaupun ia tidak mengambil masa yang lama. Begitu juga sedekah, kadangkala kita merasakan betapa sayangnya untuk memberi apa-apa

yang dimiliki walaupun ia bukanlah dalam jumlah yang besar.

Oleh itu, ayuhlah sama-sama kita muhasabah diri untuk menilai kembali mengapa kita berasa sukar untuk melakukan amalan kebajikan. Semoga muhasabah diri yang dilakukan juga menjadi salah satu cara kita memburu keberkatan dalam kehidupan.

3 Kehidupan yang Stabil dan Bahagia

Kebahagiaan dalam kehidupan sering kali dikaitkan dengan harta yang banyak. Tetapi, mengapa ada orang yang mempunyai harta yang banyak, tetapi tidak bahagia? Ia bukan soal apa yang kita miliki, tetapi ia berkaitan dengan bagaimana kita memilikinya.

Sesuatu yang haram tidak akan boleh memberikan ketenangan kepada seseorang walaupun ia datang dalam kuantiti yang banyak. Lihatlah “akarnya” supaya “buah” yang dihasilkan benar-benar manis dan sedap.

4 Masa Singkat, Tetapi Dapat Hasilkan Banyak Kebajikan

Kita sering menyalahkan masa apabila tidak dapat melakukan banyak perkara. Namun sedarkah kita bahawa keberkatanlah yang menentukan sejauh mana kita berasa cukup dengan masa yang ada, lalu mampu melakukan banyak kebajikan dalam masa yang singkat.

Oleh itu, bagi mengetahui sejauh mana kita memperoleh keberkatan, lihatlah berapa banyak perkara baik yang kita mampu hasilkan dalam masa yang singkat.

ReSOLUSI: Bagaimana Memburu Keberkatan?

1 Tingkatkan Iman dan Takwa

Iman dan takwa kepada Allah membuka pintu rezeki. Apabila seseorang beriman dan bertakwa, fikirannya akan terbuka, lalu datanglah ilham yang memberikan idea untuk mendapatkan rezeki. Jika diperhatikan ayat 96 surah al-A'raf ini, kita akan dapati bahawa Allah menyebut dua

prasyarat untuk mendapat keberkatan iaitu iman dan takwa.

Prasyarat Memperoleh Keberkatan		Hasil
Iman	Takwa	Keberkatan
✓	✗	✗
✗	✓	✗
✓	✓	✓

2 Harta daripada Sumber Halal


Ambillah harta dengan haknya, nescaya kita akan diberikan keberkatan pada harta tersebut. Namun, jika mengambil harta tanpa hak, ia mengundang kemurkaan Allah s.w.t.

3 Tidak Obses dengan Harta

Maksudnya tidak mengambil harta secara berlebihan, tidak meminta, tidak bersikap tamak dan tidak obses terhadap harta. Surah al-Mutaffifin dan al-Humazah menunjukkan akibat manusia yang mengambil harta yang bukan haknya, lalu mereka hilang arah sehingga menzalimi orang lain untuk kepentingan diri sendiri.

4 Membudayakan Sedekah

Sedekah adalah satu cara untuk kita memburu keberkatan. Melaluinya Allah akan menambah dan mengembangkan harta yang kita miliki. Apa yang perlu kita percaya adalah sedekah tidak akan mengurangkan harta, bahkan ia akan bertambah tanpa kita sedari.

Firman Allah: “Katakanlah: ‘Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan bagi (sesiapa yang dikehendaki-Nya). Dan apa-apa saja yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantinya dan Dialah Pemberi rezeki yang sebaik-baiknya.’” (Surah Saba’ 34: 39) 

	Biasa: 3 minit 00 saat
	Pantas: 0 minit 17 saat